

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI DR. SANTHARA [SEGAMAT]**

**TARIKH : 4 JULAI 2019**

**SOALAN : 72**

**Dato' Sri Dr. Santhara [Segamat]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status pelaksanaan janji yang telah ditaburkan dalam manifesto Pakatan Harapan (PH) untuk masyarakat minoriti dan golongan tertentu khususnya masyarakat India.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK  
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan komited untuk menunaikan 60 janji dan 47 Iltizam Khusus serta 464 inisiatif yang merupakan dasar dan tindakan-tindakan khusus yang dinyatakan dalam setiap janji yang terkandung dalam Buku Harapan.

Sehingga 31 Mei 2019, pencapaian keseluruhan Janji Kerajaan adalah sebanyak 49.3%. Di mana 67 inisiatif (14.4%) telah ditunaikan sepenuhnya dan 162 inisiatif (34.9%) masih dalam peringkat pelaksanaan. Manakala, 235 inisiatif (50.7%) masih di peringkat dalam perancangan atau belum mula.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Janji Kerajaan ini telah mengambil kira keperluan dan kepentingan masyarakat minoriti dan

## SOALAN NO. 72

golongan khusus termasuk masyarakat India. Di bawah Iltizam Khusus untuk masyarakat India telah mencapai 40.0% di mana dua inisiatif (8.0%) telah ditunaikan dan lapan inisiatif (32.0%) masih dalam pelaksanaan. Manakala, 15 inisiatif (60.0%) masih di peringkat perancangan atau belum mula.

Kerajaan akan terus komited melaksanakan janji yang terkandung dalam Buku Harapan. Dalam pada masa yang sama, Kerajaan Pakatan Harapan akur bahawa dalam memastikan janji-janji yang dibuat dapat dilaksanakan secara teratur dan mengikut undang-undang, kajian serta perancangan yang teliti perlu dibuat sekali gus memerlukan tempoh masa yang bersesuaian untuk mencapai objektifnya.

Sekian, terima kasih.